

Semua tanah Orang Asli diwartakan sebelum akhir 2017

BH. 29/11/2017 ms. 8

Semua tanah rizab Orang Asli di seluruh negara kini dalam fasa akhir pengukuran, sebelum diserahkan kepada kerajaan negeri untuk diwartakan.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata isu pence-robohan tanah rizab masyarakat itu semakin meruncing kerana kawasan mereka tidak diwartakan.

Sehubungan itu, katanya, kementerian sudah mengenal pasti 132,631.04 hektar tanah rizab Orang Asli iaitu merangkumi ka-

wasan kebun dan perumahan untuk manfaat serta pembangunan masa depan masyarakat berkenaan.

“Sehingga hari ini, 32,779.37 hektar tanah sudah diberikan geran berasingan, manakala 19,870.08 masih menunggu untuk diwartakan selepas diluluskan Mesyuarat EXCO Kerajaan Negeri berkaitan.

“Selain itu, seluas 74,838.86 hektar tanah sudah diserahkan kepada kerajaan negeri, manakala 5,142 hektar masih dalam fasa pengukuran.

“Kita jangka sebelum akhir tahun ini, semua tanah itu siap diukur sepenuhnya sebelum akan diserahkan kepada kerajaan negeri untuk diwartakan,” katanya menjawab soalan tambahan Datuk Seri Hasan Arifin (BN-Rompin), dalam sesi Waktu Pertanyaan Menteri (MQT) di Dewan Rakyat, semalam.

Bangkit isu pencerobohan

Hasan membangkitkan isu penulatan pencerobohan tanah rizab Orang Asli di seluruh negara, sekaligus memaksa masyarakat yang la-

zimnya tinggal di pedalaman berkenaan dalam keadaan ditindas.

Menjawab soalan asal Hasan mengenai langkah kerajaan memartabatkan masyarakat itu, Ismail berkata, kementeriannya menumpukan usaha terhadap tiga aspek.

Beliau berkata, ia merangkumi inisiatif membangunkan prasarana asas, memacu ekonomi dan memperkasakan tahap bagi melonjak taraf sosioekonomi mereka.

“Bagi prasarana, setakat ini, 80 peratus daripada perkampungan

mereka sudah mendapat liputan jalan, manakala bekalan air dan elektrik pula berada pada tahap 81 peratus.

“Kita sasarkan semua kampung Orang Asli bakal memiliki 100 peratus bekalan air dan elektrik menjelang 2023.

“Dalam aspek ekonomi, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA),” katanya.